



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

17 Januari 2019

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU KILANG KITAR SEMULA PLASTIK TERPAKAI DI SEKITAR KLANG

17 Januari 2019, Klang - Operasi Penguatkuasaan Bersepadu Siri Pertama Tahun 2019 ke Kilang Kitar Semula Plastik Terpakai di sekitar Kampung Teluk Gong, Pelabuhan Klang yang diketuai oleh YB Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada hari ini adalah melibatkan serbuan ke atas dua buah kilang kitar semula plastik terpakai dan kawasan pembakaran terbuka plastik haram.

Operasi penguatkuasaan bersepadu ini adalah melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Bekalan Air Selangor.

Selaras dengan penetapan Minister Performance Index (MPI) untuk meningkatkan penguatkuasaan 100 peratus, JAS menasarkan untuk menghentikan pengoperasian 100 buah kilang kitar semula plastik terpakai secara haram pada suku pertama tahun 2019. Bagi menjayakan sasaran ini, JAS telah menubuhkan Taskforce pada peringkat Ibu Pejabat dan peringkat negeri yang akan merancang dan melaksanakan operasi bersepadu di negeri masing-masing. Pada hari ini, JAS Kedah juga turut menjalankan operasi bersepadu yang melibatkan serbuan ke atas tiga buah kilang kitar semula plastik terpakai secara haram.

Sehingga 8 Januari 2019, terdapat sebanyak 97 buah kilang kitar semula plastik terpakai haram yang beroperasi di tujuh buah negeri iaitu Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan. Perinciannya adalah seperti dalam Lampiran 1 (Jadual A).

Bagi Negeri Selangor, status tindakan penguatkuasaan terhadap kilang kitar semula sisa plastik haram adalah seperti dalam Lampiran 1 (Jadual B). Tiga kes daripadanya telah dijatuhi hukuman mahkamah dengan jumlah kompaun sebanyak RM229,000.00 dan satu hari penjara.

Bagi menangani isu pengoperasian kilang kitar semula sisa plastik haram yang mencemarkan alam sekitar ini, polisi JAS semasa melaksanakan penguatkuasaan pematuhan premis adalah seperti yang berikut:

- i. Kilang baharu kitar semula sisa plastik adalah tertakluk di bawah Aktiviti 14(b)(ii), Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang menghendaki penyediaan Laporan Penilaian Kepada Alam Sekeliling (EIA);
- ii. Premis sedia ada wajib memastikan semua komponen sistem kawalan pencemaran alam sekitar seperti Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU) dan Sistem Pengolahan Effluen Perindustrian (IETS) beroperasi dengan baik dan diselenggara;
- iii. Premis hendaklah terletak di dalam kawasan perindustrian;
- iv. Sistem Kawalan Pencemaran Alam Sekitar ini perlu mematuhi standard seperti yang ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- v. Premis hendaklah mempunyai Orang Yang Berwibawa (Competent Person) bagi pemantauan dan pengendalian Alat Kawalan Pencemaran; dan
- vi. Premis hendaklah sentiasa mengamalkan ‘good housekeeping’.

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Normaizatulakmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC
Tel: 012-9075372

Jadual A: Bilangan Kilang Kitar Semula Sisa Plastik Haram Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan
Selangor	61
Johor	6
Negeri Sembilan	10
Kedah	10
Pulau Pinang	2
Perak	7
Kelantan	1
JUMLAH	97

Jadual B: Status Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Kilang Kitar Semula Sisa Plastik Haram di Negeri Selangor

Daerah	Bil. Premis	Kertas Siasatan	Kompaun	Tutup/Tahan Operasi
Klang	16	14	2	16
Sepang	38	20	1	*29
Shah Alam	5	5	0	5
Gombak	2	0	0	2
Jumlah	61	39	3	52

* Bilangan premis tidak sama dengan penutupan kerana kilang telah ditutup semasa operasi pertama dijalankan.